

MEMO

Tarikh : 27 November 2020
Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman
Ketua Pengarah MPC
Daripada : Cik Rabiatul Hana Binti Ishak
Penolong Pengurus, Unit RURB
Disokong oleh : En. Zahid Ismail
Timbalan Ketua Pengarah MPC

Tajuk : Memohon Kelulusan untuk Memproses Borang Permohonan Perolehan Selepas 15 Oktober 2020 bagi Pembayaran Fasilitator Kertas Cadangan Untuk PEMUDAH *Technical Working Group on Contracting with the Government* (TWGCG)

Assalamualaikum wbt,

YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman,

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', PEMUDAH *Technical Working Group on Contracting with the Government* (TWGCG) ditubuhkan bagi meneliti isu-isu berkenaan perolehan kerajaan dan mencadangkan penambahbaikan kepada pembuat dasar. Dalam mesyuarat PEMUDAH *Private Sector* No.16/2020, TWGCG telah mendapat permintaan daripada industri untuk meneliti isu polisi berkenaan dengan "Beli Barangan Buatan Malaysia" dalam sektor pembinaan. Hasil akhir inisiatif ini adalah kertas cadangan yang akan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara untuk perhatian.

3. Justeru, beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama pemegang taruh telah diadakan dan hasil perbincangan ini telah dibentangkan dalam mesyuarat PEMUDAH *Private Sector* serta mesyuarat PEMUDAH. Sekretariat telah melantik Cik Liya Saffura Binti Ab Rashid sebagai fasilitator daripada Zaid Ibrahim & Co bagi membantu dalam menganalisa cadangan-cadangan industri serta membantu sekretariat dalam menyediakan pembentangan dan kertas cadangan untuk perhatian pemegang taruh. Untuk makluman YBhg. Dato', pihak sekretariat mula melantik Cik Liya pada bulan November 2020 dan ini menyebabkan pembayaran hanya boleh dibuat pada bulan November atau Disember 2020.

4. Sehubungan dengan itu, kami dengan rendah hati ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan ini bagi membolehkan kami mengemukakan borang perolehan (RO) serta dokumen pembayaran sebelum 15 November 2020 untuk fasilitator yang dilantik. Segala perhatian dan pertimbangan YBhg. Dato' dalam perkara ini kami ucapkan sebanyak terima kasih.


Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,



(RABIATUL HANA ISHAK)

Diluluskan oleh,



(DATO' ABDUL LATIF HJ. ABU SEMAN)
KETUA PENGARAH, MPC

Disokong oleh,



(ZAHID ISMAIL)

TIMBALAN KETUA PENGARAH, MPC